

**AL-ASMĀ' AL-ḤUSNĀ MENURUT PANDANGAN  
MUFASSIRĪN BERALIRAN AL-ASHĀ'IRAH**

Oleh:

Mohd Hasrul Shuhari \*

Mohd Fauzi Hamat \*\*

*zamiluna85@yahoo.com*

*mfhamat@um.edu.my*

**ABSTRACT**

*The Realities of God is unreachable to human intellects. However, His Natures and Attributes could be known through His Beautiful Names or al-Asmā' al-Ḥusnā as mentioned in the Qur'an. It follows from this, the interpretations of the Revealed Book by exegetes would be enlightening in order to comprehend the Truth of God. Thus, this paper analyses the thoughts of several Ash'arite exegetes in order to understand the general view of the major Muslims about God. Using a comparative approach, this paper assesses the interpretations of al-Razi, al-Qurtubi, al-Baydawi and others. In addition, it also discusses several hadith in support of their views. Finally, this paper concludes with an agreed and endorsed Islamic view of God's Realities according to the Ash'arites based on a proper appreciation of His Beautiful Names.*

**Keywords:** *Al-Asmā' al-Ḥusnā, al-Quran and Hadith, Ash'arite Mufasssireen, al-Razi, al-Qurtubi, al-Baydawi.*

---

\* Mohd Hasrul Shuhari merupakan calon PhD di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

\*\* Mohd Fauzi Hamat, Ph.D merupakan Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## ABSTRAK

*Realiti Tuhan tidak boleh dicapai dengan akal fikiran manusia. Walau bagaimanapun, dhat dan sifat-sifat-Nya boleh dikenali melalui nama-nama-Nya yang indah atau al-Asmā' al-Ḥusnā seperti yang disebut di dalam al-Quran. Untuk itu, huraian ulama yang mentafsirkan kitab suci tersebut perlu dikemukakan agar kebenaran tentang Tuhan dapat disingkapi. Makalah ini akan menganalisis pemikiran beberapa pandangan mufassirin beraliran al-Asha'irah yang mewakili mazhab arus perdana dalam Islam tentang Tuhan. Berdasarkan pendekatan perbandingan, makalah ini akan menganalisis tafsiran al-Razi, al-Qurtubi, al-Baydawi dan lain-lain. Di samping itu, ia juga membincangkan beberapa hadith untuk menyokong pandangan mereka. Akhir sekali, makalah ini merumuskan pandangan yang telah dipersetujui dan disahkan oleh Islam tentang realiti Tuhan menurut al-Asha'irah berdasarkan huraian tentang nama-nama-Nya yang indah.*

**Katakunci:** *Al-Asma' al-Husna, al-Quran dan Hadith, Mufassirin beraliran al-Asha'irah, al-Razi, al-Qurtubi, al-Baydawi.*

## PENDAHULUAN

Perbahasan *al-Asmā' al-Ḥusnā* dalam akidah sangat penting kerana ia berkait dengan ilmu ketuhanan. Oleh kerana kepentingan ini, para *mufassirīn* yang mewakili aliran *al-Asha'irah* mengambil inisiatif menjelaskan ayat-ayat berkaitan dengan *al-Asmā' al-Ḥusnā*. Antara mereka yang membahaskan *al-Asmā' al-Ḥusnā* dalam kitab-kitab mereka dengan terperinci ialah Fakhr al-Din al-Razi (m. 604H), Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi (m. 671H) dan 'Abd Allah ibn 'Umar al-Baydawi (m. 685H). Kefahaman tentang *al-Asmā' al-Ḥusnā* adalah penting kerana ia merupakan salah satu daripada saluran *ma'rifatullāh*. Ia dapat membantu umat Islam memahami pengertian nama-nama Allah, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan-Nya. Manusia boleh mengkaji tentang nama-nama Allah SWT, begitu juga tentang dalil-

dalil kewujudan, sifat-sifat dan perbuatan-Nya, tetapi mereka tidak dapat mengkaji tentang zat Allah SWT. Firman-Nya:

لَا تَدْرِيكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ  
الْخَبِيرُ

Terjemahan:

“Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan, dan Dialah Yang Maha Menghalusi (iaitu mengetahui perkara-perkara yang kecil dan halus) lagi Maha Mengetahui.”

Sūrah al-An‘ām, (6): 103

Ilmu tentang Tuhan adalah disifatkan sebagai ilmu pertama yang perlu dipelajari oleh setiap *mukallaf*. Mereka wajib mengenali Allah SWT melalui penelitian terhadap keterangan nas-nas al-Quran, hadis dan renungan terhadap tanda-tanda kewujudan dan kebesaran-Nya di alam ini. Firman Allah SWT:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقَلَّبَكُمْ وَمَثْوَاكُمْ

Terjemahan:

“Maka Ketahuilah, bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan selain Allah dan mohonlah ampunan bagi dosamu dan bagi (dosa) orang-orang mukmin, laki-laki dan perempuan. Dan Allah mengetahui tempat kamu berusaha dan tempat kamu tinggal.”

Sūrah Muḥammad (47): 19

Kedudukan ilmu tentang Tuhan yang dibahaskan dalam disiplin akidah jika dibandingkan dengan ilmu-ilmu yang lain umpama kedudukan Allah SWT dengan makhluk-makhluk-Nya. Ilmu ini merupakan sumber segala ilmu yang menjadi asas keimanan. Allah SWT telah memerintahkan nabi-Nya dan orang-orang yang beriman agar mengenali Allah SWT secara



pasti dan yakin bahawa tiada Tuhan selain Allah SWT.<sup>1</sup> Allah SWT boleh dikenali menerusi nama-nama-Nya, justeru ilmu tentang nama-nama Allah SWT ini merupakan ilmu yang sangat penting untuk dikaji dan dihayati. Makalah ini memilih tafsir yang dikemukakan oleh ulama yang beraliran *al-Ashā'irah* bagi meneliti fikrah-fikrah utama yang dikemukakan oleh mereka tentang *al-Asma' al-Husna*.

### KONSEP AL-ASMĀ' AL-ḤUSNĀ

Perkataan *al-Asmā' al-Ḥusnā* merupakan kombinasi dua perkataan iaitu perkataan *al-Asmā'* yang merupakan perkataan *jama'* kepada *al-ism* yang berasal daripada perkataan *samā* yang bermaksud tinggi. Perkataan *al-ism* bermaksud sesuatu yang dikenali dengan sesuatu yang lain atau menggunakan dalil tertentu bagi menunjukkan kepadanya.<sup>2</sup> Ia juga bermaksud nama di dalam bahasa Melayu, dan perkataan *al-Ḥusnā* yang merupakan perkataan *mu'annath* bagi perkataan *al-aḥṣan* yang bermaksud 'sangat elok'. Maka, *al-Asmā' al-Ḥusnā* bermaksud nama-nama Allah SWT yang sangat elok.<sup>3</sup> Nama-nama Allah SWT amat banyak dan jumlahnya hanya diketahui oleh Allah SWT namun, *al-Asmā' al-Ḥusnā* yang dibincangkan dalam tulisan ini hanya merujuk kepada nama-nama Allah SWT yang berjumlah sembilan puluh sembilan nama, tanpa menafikan kewujudan nama-nama Allah SWT yang lain yang hanya diketahui oleh Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةً  
وَتِسْعِينَ اسْمًا مِائَةً إِلَّا وَاحِدًا مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ.

Terjemahan:

“Daripada Abu Hurayrah daripada Nabi SAW telah bersabda: Sesungguhnya bagi Allah ada sembilan puluh sembilan nama, seratus kurang satu. Sesiapa yang menghafalnya, nescaya akan memasuki syurga”.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Al-Qaḥṭānī, Sa'īd ibn 'Alī ibn Wahf (t.t.), *Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā fī Daw'i al-Kitāb wa al-Sunnah*, T.T.P.: T.P., h. 10-11. Lihat juga Nūḥ 'Alī Salmān (2004), *Al-Mukhtaṣar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, Kuala Lumpur: AlBayan Corporation Sdn. Bhd., h. 26, 33.

<sup>2</sup> Mujamma' al-Lughah al-'Arabiyyah (2005), *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*, Mesir: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah, h. 452.

<sup>3</sup> *Ibid.*, h. 174. Lihat juga M. Quraish Shihab (2005), *Menyingkap Tabir Ilahi Asma Al Husna Dalam Perspektif Al-Qur'an*, Jakarta: Penerbit Lentera Hati, h. xxxvi.

<sup>4</sup> Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim b. al-Ḥajjāj (2010), *Ṣaḥīḥ Muslim: Kitāb (al-Da'awāt)*



Menurut al-Bukhari (m. 256H), Allah SWT menjanjikan ganjaran syurga bagi orang yang menghafal nama-nama Allah SWT. Pendapat ini disokong dengan riwayat lain yang mempunyai matan *man ḥafizahā* yang bermaksud “sesiapa yang menghafalnya”. Menurut pendapat lain, maksud orang yang menghafal nama-nama Allah SWT ialah orang yang menghayati nama-nama Allah SWT sebaik-baiknya, menjaga segala tuntutan nama-nama Allah SWT dan membenarkan makna-maknanya. Selain itu, ada juga ulama lain yang menjelaskan bahawa ia merujuk kepada orang yang beramal dengan nama-nama Allah SWT, taat kepada nama-nama Allah SWT dan beriman dengan nama-nama Allah SWT tersebut.<sup>5</sup> Penetapan jumlah nama-nama Allah SWT kerana adanya kekhususan atau keistimewaan orang yang menghayatinya akan memasuki syurga atau kekhususan nama-nama tersebut dari segi adanya tambahan kelebihan pada [nama-nama tersebut yang mengisyaratkan] pemeliharaan [Tuhan menerusi sifat dan nilai yang terkandung di dalamnya] terhadap perkara-perkara utama [yang menentukan kelangsungan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat], penunaian terhadap keperluan [makhhluk] dan kerana adanya hikmah tertentu nama-nama lain selain dari nama yang sembilan puluh sembilan ini disembunyikan dari pengetahuan makhluknya.<sup>6</sup>

### **AL-ASMĀ' AL-ḤUSNĀ MENURUT AL-ASHĀ'IRAH**

Aliran *al-Ashā'irah* merujuk kepada sesiapa yang mengikuti mazhab yang diasaskan oleh Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (m. 324H) dalam bidang akidah sebagaimana disandarkan mazhab Hanafi kepada Imam Abu Hanifah (m. 150H) dan mazhab Shafi'i kepada Imam al-Shafi'i (m. 204H) dalam bidang fikah. Imam al-Ash'ari memetik nas-nas al-Qur'an, hadis dan pandangan ulama salaf apabila menjelaskan tentang akidah. Mazhab akidah ini disandarkan kepada beliau lantaran usaha gigih beliau mempertahankan manhaj yang dibangunkan oleh ulama salaf dan peranannya menghadapi golongan-golongan yang menyimpang dalam akidah. Menurut Imam al-

---

*al-Dhikr wa al-Du'ā' wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb fī Asmā' Allāh Ta'ālā wa Faḍl Man Aḥṣāhā, taḥqīq Khalīl Ma'mūn Shayḥā, no hadis. 6751, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 1217.*

<sup>5</sup> Al-Nawawī, Abū Zakariyā Yahyā ibn Sharf (1930), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, juz. 17, Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar, h. 5.

<sup>6</sup> Aḥmad 'Abd al-Jawwād (t.t.), *Wa Lillāh al-Asmā' al-Ḥusnā*, Kaherah: Dār al-Bayān li al-Turāth, h. 8. Lihat juga Muḥammad Bakr Ismā'īl (2000), *Asmā'ullāh al-Ḥusnā Athāruhā wa Asrāruhā*, Kaherah: Dār al-Manār, h. 5. Lihat juga al-'Uryānī, 'Uthmān al-Kulaysī (2002), *Khayr al-Qalā'id fī Sharḥ Jawāhir al-'Aqā'id*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 35.

Bayhaqi (m. 458H)<sup>7</sup>, Imam al-Ash'ari bukanlah pembuat bid'ah, sebaliknya beliau menggunakan pandangan para sahabat, tabi'in dan imam-imam dalam bidang akidah selepasnya di samping membuat tambahan dan penerangan atas pandangan mereka berdasarkan syarak dan akal yang sah.<sup>8</sup>

Menurut al-Hafiz Ibn 'Asakir (m. 571H) pula, *al-Ashā'irah* merupakan golongan yang berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, yang sabar dengan segala cabaran yang datang daripada golongan-golongan bid'ah. *Al-Ashā'irah* berhujah mempertahankan akidah berdasarkan nas-nas dan penggunaan akal yang sah untuk menghadapi *ifrāt*. (kejumlahan berfikir) *al-Mushabbihah* dan *tafrīt* (keterlampaian berfikir) Muktazilah. Menurut *Sulṭān al-'Ulamā'*, Shaykh 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam (m. 660H), akidah *al-Ashā'irah* disepakati oleh pengikut mazhab al-Shafi'i, al-Maliki, al-Hanafi dan ulama utama Hanbali. Menurut Imam al-Subki (m. 771H), al-Ash'ari bukanlah pencipta mazhab baru yang bertentangan dengan ulama salaf terdahulu tetapi beliau menjelaskan lagi kaedah mereka untuk mempertahankan akidah setelah ia diselewengkan. Begitu juga pengiktirafan ulama kontemporari pelbagai bidang terhadap kebenaran mazhab ini seperti, Shaykh Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, Shaykh 'Ali Jum'ah, Shaykh Yusuf al-Qardawi dan Shaykh Wahbah al-Zuhayli.<sup>9</sup>

Menurut ulama *al-Ashā'irah*, Allah SWT mempunyai nama-nama yang baik. Fakhr al-Din al-Razi (m. 604H) menjelaskan bahawa kalimah *al-ḥusnā* merupakan *ta'nīth* bagi kalimah *al-aḥsan* sebagaimana kalimah *al-kubrā* dan *al-ṣughrā*. Jadi, *al-Asmā' al-Ḥusnā* merujuk kepada makna-makna yang baik kerana sifat-sifat yang paling sempurna, teragung dan tertinggi ialah sifat-sifat Allah SWT. Ia juga merujuk kepada sifat-sifat

<sup>7</sup> Al-Bayhaqi merupakan salah seorang ulama *ṭabaqah* (lapisan) ketiga daripada pengikut al-Ash'ari, Al-Subki, 'Abd al-Wahhāb ibn 'Alī (t.t.), *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*, *taḥqīq* Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāḥī, juz. 3, Kaherah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabīyyah, h. 365, 397.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 365, 397. Lihat juga Ibn 'Asakir, 'Ali ibn al-Ḥasan (1928/9), *Tabyīn Kadhbi al-Muftarī fi mā Nusiba ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-'Ash'arī*, Damshiq: T.P., h. 397-398. Lihat juga Ḥamad al-Sinān dan Fawzī al-'Anjarī (t.t.), *Ahl al-Sunnah al-'Ashā'irah Shahādah 'Ulamā' al-Ummah wa Adillatuhum*, T.T.P: Dār al-Ḍiyā', h. 12-22, 34-37.

<sup>9</sup> Al-Subki (t.t.), *op. cit.*, h. 365, 397. Lihat juga Ibn 'Asakir (1928/9), *op. cit.*, h. 397-398. Lihat juga Ḥamad al-Sinān dan Fawzī al-'Anjarī (t.t.), *op. cit.*, h. 12-22, 34-37. Lihat juga pandangan al-Qardāwī dalam website rasminya yang turut mengakui bahawa majoriti umat Islam adalah bermazhab *al-Ashā'irah* (*fa inna aghlabīyyah al-ummah ash'ariyyah*). Al-Qardawi, <http://qaradawi.net/news/537.html>, 15 September 2011.



yang baik yakni sifat-sifat keesaan, keagungan, kemuliaan, keihsanan dan sifat yang tiada persamaan dengan sifat-sifat makhluk-Nya. Allah SWT mensifatkan nama-nama-Nya dengan kalimah *al-ḥusnā* dalam empat ayat di dalam al-Quran. Antaranya ialah firman Allah SWT:<sup>10</sup>

قُلْ أَدْعُوا اللَّهَ أَوْ  
أَدْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ  
الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ وَلَا تَجْهَرُوا  
بِصَلَاتِكُمْ وَلَا تَخَافُتُمْ بِهَا  
وَأَبْتَعُ بَيْنَ ذَلِكَ  
سَبِيلًا

Terjemahan:

*“Katakanlah: ”Serulah Allah atau serulah Al-Rahmān. Mana-mana [nama] yang kamu seru, Dia mempunyai nama-nama yang elok dan janganlah kamu meninggikan suaramu dalam solatmu dan janganlah pula merendharkannya dan carilah jalan tengah di antara kedua itu (iaitu antara terlalu meninggikan suara dengan terlalu memperlahkannya)”*.

Sūrah al-Isrā', (17): 110

Perbincangan tentang sifat-sifat Allah SWT dan nama-nama-Nya yang elok mempunyai kaitan yang amat rapat antara satu sama lain. Jadi tidak perlu ada pertanyaan misalnya kenapa sifat-sifat Allah SWT yang wajib diketahui oleh seseorang Muslim mempunyai jumlah tertentu yang berbeza dengan jumlah nama Allah SWT yang 99 itu? Ini kerana, menurut Abu al-Hasan al-Ash‘ari, nama Allah SWT itu adalah terbit atau ambilan dari sifat-sifat-Nya, misalnya nama Allah SWT ‘Ālim diambil dari sifat *al-‘Ilm*, *Qādir* diambil dari *al-Qudrah*, *Ḥayy* diambil dari *al-Ḥayāt*, *Samī*, diambil daripada *al-Sam‘* dan *Baṣīr* diambil daripada *al-Baṣar*.<sup>11</sup>

<sup>10</sup> Tiga ayat yang lain dapat dilihat pada Sūrah al-A‘rāf, (7): 180, Sūrah Tāhā, (20): 8 dan Sūrah al-Ḥashr, (59): 24. Lihat al-Rāzī, Fakhr al-Dīn (2000), *Sharḥ Asmā Allāh al-Ḥusnā li al-Rāzī wa Huwa al-Kitāb al-Musammā Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa al-Ṣifāt*, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, h. 45.

<sup>11</sup> Al-Ash‘arī (1952), *Kitāb al-Luma‘ fī al-Radd ‘alā Ahl al-Ziyagh wa al-Bida‘*, Beirut: Matba‘ah al-Kathulikiyyah, h. 4. Lihat juga Al-Ash‘arī, Abū al-Ḥasan (1977), *al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah, taḥqīq* Fawqiyah Ḥusayn Maḥmūd, Kaherah: Dār al-Anṣār, h. 151-152. Lihat juga Mudasir Rosder (1989), *Asas Tauhid: Pertumbuhan dan Huraianannya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 24. *Al-Asmā’ al-Ḥusnā* pada masa yang sama ialah sifat-sifat Allah, lihat Ḥasan Muḥammad Ḥilmī (2002), *Dandanah fī Rihāb Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, T.T.P.: T.P., h. 5.



Nama-nama Allah SWT diambil secara *mushtaqqah* (ambilan dari kalimah lain) sama ada kerana ia memberi faedah makna (*ifādah ma'nā*) atau diambil menerusi cara penggelaran (*al-talqīb*). Namun demikian, perlu ditegaskan bahawa tidak harus (*lā yajūz*) dinamakan Allah SWT melalui cara *al-talqīb* dengan nama yang tidak memberi faedah makna dan nama yang tidak diambil dari kata sifat. Apabila disebut Allah SWT adalah 'Ālim dan *Qādir*, maka ia bukanlah bermaksud penggelaran sebagaimana kita menamakan nama-nama seperti Zaid dan 'Umar. Pandangan ini adalah berdasarkan berdasarkan ijmak kaum Muslimin. Kita wajib mengisbatkan *al-'ilm* pada Allah SWT kerana ia memberi faedah makna. Tiada perbezaan pendapat pada mewajibkan sesuatu yang memberi faedah makna bagi Allah SWT seperti mengatakan Allah SWT memiliki ilmu di mana dari-Nya setiap yang lain juga memiliki ilmu. Begitu juga perkataan *mawjūd* yang memberi faedah makna yang wajib diisbatkan kepada Allah SWT kerana memang Allah SWT adalah ada (*mawjūd*).<sup>12</sup>

Menurut al-Ghazali (m. 505H), nama-nama Allah SWT yang diterima berdasarkan apa yang dinyatakan oleh nas secara *al-tawqīf* adalah melebihi jumlah sembilan puluh sembilan nama. Sabda Rasulullah SAW:<sup>13</sup>

مَا أَصَابَ أَحَدًا قَطُّ هَمٌّ وَلَا حَزَنٌ فَقَالَ اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ  
وَإِبْنُ أُمَّتِكَ نَاصِيَتِي بِيَدِكَ مَا ضَ فِي حُكْمِكَ عَدْلٌ فِي قَضَاؤِكَ  
أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمَّيْتَ بِهِ نَفْسَكَ أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ  
خَلْقِكَ أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ  
أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رِيْعَ قَلْبِي وَنُورَ صَدْرِي وَجَلَاءَ حُزْنِي وَذَهَابَ  
هَمِّي إِلَّا أَذْهَبَ اللَّهُ هَمَّهُ وَحُزْنَهُ وَأَبْدَلَهُ مَكَانَهُ فَرَجًا

Terjemahan:

“Tidak ada sesuatu kedukacitaan atau kesedihan yang menimpa seseorang, lantas dia berdoa [dengan berkata],  
“Wahai Tuhanku ! sesungguhnya aku adalah hamba-Mu dan anak hamba-Mu dan anak hamba perempuan-Mu, Ubun-ubun kepalaku di tangan Engkau. Hukuman

<sup>12</sup> Al-Ash‘arī (1977), *op. cit.*, h. 152.

<sup>13</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid (2008), *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Abū Sahl dan Najāḥ ‘Iwāḍ Ṣiyām, Kaerah: Dār al-Muqṭim li al-Nashr wa al-Tawzī‘, h. 176.

*yang telah Engkau tetapkan akan berlaku ke atasku, penetapan hukum yang telah Engkau putuskan amat adil. Aku bermohon dengan semua nama yang telah Engkau namakan sendiri dengan-Nya diri Engkau atau [nama] yang telah Engkau ajarkan setiap orang dari makhluk-Mu atau Engkau telah turunkan-Nya di dalam kitab-kitab-Mu atau Engkau telah sembunyikan [pengetahuan mengenainya] di alam ghaib di sisi-Mu, bahawa Engkau jadikan al-Quran ini penenang hatiku dan cahaya [yang menyinari] dadaku dan penghapus dukacitaku serta penghilang perasaan dukacitaku”, melainkan Allah akan menghapuskan perasaan dukacita dan sedihnya itu dan menggantikannya dengan perasaan lapang dada”.*<sup>14</sup>

Hadis ini menunjukkan bahawa nama-nama Allah SWT tidak hanya berjumlah sebanyak mana yang telah dinyatakan bilangannya di dalam riwayat masyhur sahaja. Namun begitu, jumlah 99 nama yang dikhususkan adalah terbina dengan makna-makna yang agung di mana makna-makna tersebut tidak terdapat pada nama-nama yang lain. Jadi, pengkhususan ini merujuk kepada penambahan makna kemuliaan pada nama-nama yang dikhususkan tersebut. Nama-nama tersebut telah dinamakan sendiri oleh Allah SWT iaitu nama-nama yang tidak mencapai jumlah 100 kerana Allah SWT menyukai bilangan ganjil. Jumlah tersebut merangkumi nama-nama seperti *al-Hannān*, *al-Mannān* dan selainnya. Tidak mungkin dapat dikumpulkan kesemua nama-nama tersebut melainkan setelah dibuat kajian teliti terhadap keterangan al-Quran dan al-Sunnah. Sesiapa yang mengira yakni mengumpul dan menghafal nama-nama Allah SWT nescaya dia akan berasa amat letih berijtihad untuk mengumpul semua nama tersebut. Maka, disebabkan inilah, dia diberikan ganjaran syurga jika tidak mampu berbuat demikian dengan memilih 99 nama yang telah ditentukan dalam al-Quran dan al-Sunnah kerana hal itu adalah lebih mudah baginya. Al-Ghazali juga

<sup>14</sup> Al-Hākim mengatakan bahawa hadis ini adalah sahih berdasarkan syarat Muslim. Namun, matan hadis dalam *al-Maqṣad al-Asnā* adalah berbeza sedikit berbanding riwayat al-Hākim ini, tetapi ia memberi maksud yang sama. Ini adalah berdasarkan pandangan Abū Sahl dan Najāh ‘Iwāḍ Ṣiyām yang mentahqiqkan *al-Maqṣad al-Asnā*, selain al-Hākim hadis ini juga diriwayatkan oleh Imām Aḥmad, Ibn Ḥibbān dan al-Ṭabrānī. Lihat al-Hākim al-Naysabūrī, Abū ‘Abd Allāh (1997), *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, no. hadis 1929, j. 1, Kaherah: Dār al-Ḥaramayn li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, h. 696. Lihat juga al-Ghazālī (2008), *op. cit.*, h. 175-176.

menjelaskan tentang penghayatan yang sebenar pada setiap nama-nama Allah SWT yang berjumlah 99 tersebut dari sudut nilai yang terkandung di dalamnya untuk dikaitkan dengan akhlak manusia.<sup>15</sup>

Terdapat perbezaan antara *al-ism* (nama) dan *al-wasf* (sifat) yakni nama-nama Allah SWT merupakan perkara *tawqīfiyyah* yang tidak boleh diambil melainkan berdasarkan keterangan al-Quran dan al-Sunnah. Namun, umat Islam diberi kelonggaran (*rukhsah*) untuk menyifatkan Allah SWT dengan sifat-sifat di mana maknanya menunjukkan sifat yang terpuji dan tiada sesuatu yang memberi kekurangan pada-Nya. Meskipun tidak ada keterangan nas yang menunjukkan semua sifat tersebut, tiada nas yang menunjukkan ia diizinkan dan tiada nas yang menyatakan bahawa kita perlu mengambil sikap *al-tawqīf* terhadap sifat Allah, tiada nas juga yang mengatakan bahawa ia dilarang. Lantaran itu, ia dibenarkan. Contohnya, tiada nas secara zahir menjelaskan bahawa Allah SWT bersifat *mawjūd* dan *qadīm*, tetapi ia dibenarkan kerana ia memberi maksud yang elok bagi Allah SWT. Jika dirasakan bahawa sifat-sifat tersebut mengandungi kekurangan (*al-naqṣ*) maka dilarang sama sekali ia disifatkan pada Allah SWT melainkan jika terdapat nas yang mengizinkannya. Meskipun ia diizinkan, jika terdapat makna *al-naqṣ* pada sifat tersebut maka ia perlu ditakwil agar menepati makna yang wajib bagi Allah SWT. Dilarang juga memberi lafaz pada Allah SWT kecuali jika terdapat *qarīnah* yang mengharuskannya.<sup>16</sup>

Kesimpulannya, *al-Asmā' al-Husnā* menūrūt *al-Ashā'irah* ialah nama-nama Allah SWT yang sangat elok yang telah dinyatakan sendiri oleh Allah SWT di dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Nama-nama Allah SWT adalah berdasarkan nas yang disebutkan sendiri oleh Allah SWT. Manakala sifat-sifatNya, ia harus disandarkan kepada Allah SWT meskipun tiada keterangan nas yang menunjukkan sifat tersebut dengan syarat ia memberi maksud yang baik kepada Allah SWT. Bahkan, meskipun terdapat nas yang menunjukkan bahawa ia disandarkan kepada Allah SWT tetapi sekiranya secara zahirnya nama tersebut memberi maksud kekurangan kepada-Nya, maka ia perlu dijelaskan atau ditakwilkan agar dapat menghilangkan maksud zahir tersebut. Setiap nama-nama Allah SWT tersebut perlu dihayati dengan sebaiknya nama ada dengan cara seseorang mengetahui nama-nama-Nya berserta maksudnya, berdo'a dengannya, berzikir dengannya dan berakhlak dengan nilai-nilai yang terkandung di

<sup>15</sup> *Ibid.*, h. 44 dan 175-182.

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 21 dan 183-186.



dalamnya agar mereka diberi ganjaran syurga oleh Allah SWT. Terdapat ramai ulama besar dalam bidang tafsir yang bermazhab *al-Ashā'irah*. Antara mereka ialah Ibn 'Atiyyah al-Andalusi (m. 546H), pengarang kitab tafsir *al-Muḥarrar al-Wajīz*, Fakhr al-Din al-Razi (m. 604H), pengarang kitab tafsir *Mafātīḥ al-Ghayb*, Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi (m. 671H), pengarang kitab *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, 'Abd Allah ibn 'Umar al-Baydawi (m. 685H), pengarang kitab *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*, Abu Hayyan al-Andalusi (745H), pengarang kitab *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, Abu al-Fida' Isma'il ibn Kathir (m. 774H),<sup>17</sup> pengarang kitab *Tafsir al-Qur'ān*

<sup>17</sup> Menurut Ibn Qāḍī Shuhbah (m. 851H), Ibn Kathīr pernah memegang jawatan *Walī Mashīkhah* (Ketua sheikh-sheikh) selepas kematian Taqiyy al-Dīn al-Subkī (m. 756H) di *Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah*, Damsyiq. Institusi ini mula dibuka untuk pengajian waktu malam pada pertengahan bulan Sha'ban, tahun 630H di mana *Walī Mashīkhah* pertamanya ialah Taqiyy al-Dīn ibn al-Ṣalāḥ (m. 643H). Menurut anak Taqiyy al-Dīn al-Subkī iaitu Tāj al-Dīn al-Subkī (m. 771H), antara syarat yang diambil kira sebelum seseorang diberi mandat menggalas jawatan ini ialah berpegang kepada mazhab *al-Ashā'irah* dalam bidang akidah. Menurut al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (m. 852H) dan sejarawan bernama al-Nu'aymī (m. 978H), Ibn Kathīr juga pernah menyatakan bahawa beliau bermazhab *al-Ashā'irah*. Al-Nu'aymī menjelaskan perkara tersebut dengan menukulkan pandangan Ibn Muflīḥ (m. 816H) dan Ibn Qāḍī Shuhbah. Ibn Kathīr menyatakan sedemikian di hadapan seorang ulama yang diakuinya memiliki kepakaran dalam bidang *al-naḥw* dan *al-fiqh*. Al-Dhahabī (m. 748H) menjelaskan bahawa ulama yang sangat tekun menuntut ilmu tersebut ialah Ibrāhīm ibn Muḥammad (m. 767H), anak kepada Muḥammad ibn Abū Bakr yang lebih dikenali sebagai Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (m. 751H). Ibn Kathīr juga menggunakan dua kaedah apabila berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt* selari dengan mazhab *al-Ashā'irah* yakni *tafwīd* atau *ta'wīl ijmālī* (mengisbatkan lafaz zahir, menafikan makna zahir lafaz yang membawa kepada *tashbīh* dan menyerahkan maknanya kepada Allah SWT) seperti yang dilakukan oleh majoriti *salaf al-ṣāliḥ* dan sebahagian khalaf, dan *ta'wīl* atau *ta'wīl tafsiḥī* (mengisbatkan lafaz zahir, menafikan makna zahir lafaz yang membawa kepada *tashbīh* dan mentakwilkan maknanya kepada makna yang sesuai bagi Allah SWT berdasarkan dalil dan kaedah bahasa Arab) seperti yang dilakukan oleh majoriti ulama *khalaf* dan sebahagian *salaf al-ṣāliḥ*. Contohnya, dalam kitab tafsirnya, beliau melakukan *tafwīd* pada kalimah *istawād* dalam surah al-A'rāf ayat 54 yakni melalukannya sebagaimana ia datang (*imrāruhā kamā jā'at*) tanpa menyatakan tentang kebagaimanaan (*ghayr takyīf*), tanpa penyerupaan (*lā tashbīh*), tanpa penafian sifat (*lā ta'tīl*) dan segala fikiran penyerupaan berkenaan zahir lafaz tersebut yang muncul dalam fikiran seseorang adalah ternafi bagi Allah SWT (*al-zāhir al-mutabādir ilā adhhān al-mushabbihīn manfiyy 'an Allāh*). Tetapi pada kalimah yang sama dalam surah al-Baqarah ayat 29, beliau juga melakukan *ta'wīl* dengan mentakwilkan lafaz *istawā* yakni berkeinginan ke langit (*qaṣd ilā al-samā'*). Menurutny, kalimah *al-istiwā'* ini mengandungi makna berkeinginan dan menuju (*al-qaṣd wa al-iqbāl*). Beliau juga telah mentakwilkan kalimah *bi aydin* dalam surah al-Dhāriyāt ayat 47 dengan makna kekuatan (*bi quwwah*). Lihat Ibn Qāḍī Shuhbah,

al-‘Azīm dan al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti (m. 911H), pengarang kitab tafsir *al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsir al-Ma‘thūr*.<sup>18</sup> Ini menunjukkan bahawa majoriti para ulama terutamanya dalam empat mazhab utama dalam bidang fikah dan bidang tafsir yang menjadi fokus makalah ini adalah berpegang kepada mazhab *al-Ashā‘irah* dalam bidang akidah di samping mazhab *al-Māturidiyyah*; dua aliran mazhab utama yang membentuk mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Dalam huraian selanjutnya, penulis akan menjelaskan beberapa pandangan ulama beraliran *al-Ashā‘irah* tentang *al-Asmā’ al-Ḥusnā* berdasarkan karya-karya mereka. Penulis akan memberi fokus kepada tiga ulama tafsir *al-Ashā‘irah* iaitu Fakhr al-Din al-Razi<sup>19</sup>,

---

Taqiyy al-Dīn (1979), *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah*, j. 1 dan 3, Hayderabad: Dā‘irah al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah, h. 15 dan 114. Lihat juga al-Subkī (t.t.), *op. cit.*, j. 10, h. 398. Lihat juga Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1993), *al-Durar al-Kāminah fī A‘yān al-Mi‘ah al-Thāminah*, j. 1, Beirut: Dār al-Jīl, h. 58. Lihat juga al-Nu‘aymī, ‘Abd al-Qādir ibn Muḥammad (1990), *al-Dāris fā Tārākh al-Madāris*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 70. Lihat juga Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā‘il (2000), *Tafsir al-Qur‘ān al-‘Azām, taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et al*, j. 1, 6 dan 13, Kaherah: al-Farūq al-Ḥadīthiyyah li al-Tibā‘ah wa al-Nashr, h. 332, 319 dan 221. Lihat juga Ibn Ḥajar al-Haytamī, Aḥmad Shihāb al-Dīn (t.t.), *al-Fatāwā al-Ḥadāthiyyah*, T.T.P: T.P, h. 111-112. Lihat juga ‘Alī al-Qārī, ‘Alī ibn Sulṭān (2001), *Mirqāh al-Miftāḥ Sharḥ Mishkāh al-Miṣbāh*, taḥqīq Jamāl ‘Aytānī, j. 1 dan 3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 144 dan 270.

<sup>18</sup> Ḥamad al-Sinān dan Fawzī al-‘Anjarī (t.t.), *op. cit.*, h. 249-252.

<sup>19</sup> Beliau ialah Abū ‘Abd Allāh, Muḥammad ibn ‘Umar ibn al-Ḥusayn ibn al-Ḥasan ibn ‘Alī al-Tamīmī al-Bakrī al-Tabarastānī al-Rāzī yang digelar Fakhr al-Dīn dan terkenal juga dengan panggilan Ibn al-Khaṭīb al-Shāfi‘ī. Beliau yang dilahirkan pada tahun 544H merupakan ulama yang alim pada zamannya, ahli kalam, ahli tafsir *al-Ashā‘irah* dan menjadi rujukan para ulama yang lain. Beliau meninggalkan kepada umat Islam sebilangan besar karya-karya tulisannya dalam pelbagai topik keilmuan. Antara kitabnya yang sangat masyhur ialah karya tafsir yang berjudul *Mafātīḥ al-Ghayb*. Kitab ini dikategorikan sebagai kitab *tafsīr bi al-ra‘yi al-jāiz* (tafsiran secara akliyah yang dibenarkan). Beliau juga memiliki karya yang menjelaskan tentang nama-nama Allah SWT secara khusus, berjudul *Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘āla wa al-Ṣifāt*. Tokoh ulama ini meninggal dunia pada tahun 604H. Lihat al-Dhahabī, Muḥammad Ḥusayn (2003), *al-Tafsir wa al-Mufasssīrūn*, c. 8, j. 1, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 205-207. Lihat juga Ḥamad al-Sinān dan Fawzī al-‘Anjarī (t.t.), *op. cit.*, h. 249-252.



al-Qurtubi<sup>20</sup> dan al-Baydawi<sup>21</sup> berdasarkan kitab-kitab tafsir mereka yang membahaskan topik *al-Asmā' al-Ḥusnā* secara khusus. Beberapa kitab mereka yang lain dan ulasan oleh ulama-ulama tafsir *al-Ashā'irah* yang lain akan turut disentuh untuk menyokong fakta-fakta yang dikemukakan.

## **PANDANGAN AL-RAZI TENTANG AL-ASMĀ' AL-ḤUSNĀ**

Fakhr al-Din al-Razi telah menjelaskan *al-Asmā' al-Ḥusnā* secara khusus di dalam kitabnya yang berjudul *Lawāmi' al-Bayyināt Sharḥ Asmā' Allāh Ta'āla wa al-Ṣifāt* dan dalam kitab tafsirnya *Mafātīḥ al-Ghayb*.<sup>22</sup> Al-

<sup>20</sup> Beliau ialah al-Imām Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abū Bakr ibn Farah al-Anṣārī al-Khazrajī al-Andalusī al-Qurtubī yang bermazhab Maliki dalam fikah dan bermazhab *Ashā'irah* dalam akidah. Beliau juga merupakan seorang ahli tafsir yang menulis kitab tafsir yang masyhur, berjudul *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Al-Qurtubi juga memiliki kitab syarahan tentang *al-Asmā' al-Ḥusnā* yang berjudul *al-Asnā fi Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā wa Ṣifātihi*. Beliau kuat beribadat dan sibuk dengan aktiviti pengajian. Beliau meninggal dunia di bandar Muniyyah ibn al-Khaṣīb dan dikebumikan di sana pada malam isnin, 9 Syawal 671H. Lihat al-Adnahwī, Aḥmad ibn Muḥammad (1997), *Ṭabaqāt al-Mufaṣṣirīn*, taḥqīq Sulaymān ibn Ṣāliḥ al-Khazī, Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulūm al-Ḥikam, h. 246-247. Lihat juga biodata yang disediakan oleh pentahqiq dalam al-Qurtubī al-Anṣārī, Muḥammad ibn Aḥmad (1995), *al-Asnā fi Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Majdī Fathī al-Sayyid, jil. 1, Mesir: Dār al-Ṣaḥābah li al-Turāth, h. 29, 34-35, 41; al-Ghisnī, 'Abd Allāh ibn Ṣāliḥ (1996), *Asmā' Allāh al-Ḥusnā*, Riyad: Dār al-Waṭn, h. 283.

<sup>21</sup> Beliau ialah al-Qāḍī al-Imām al-'Allāmah Nāṣir al-Dīn 'Abd Allāh ibn 'Umar al-Shayrāzī yang merupakan ahli fikah bermazhab Shafi'i. Beliau menulis kitab berkenaan pelbagai bidang seperti tafsir, usul fiqh dan bahasa. Judul kitab tafsirnya ialah *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl* yang dikategorikan sebagai kitab *tafsir bi al-ra'yi al-jāiz* (tafsiran berdasarkan pendapat/pandangan). Beliau juga memiliki karya tentang *al-Asmā' al-Ḥusnā* berjudul *Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā*. Al-Subki mengkelompokkan beliau di dalam lapisan (*ṭabaqah*) keenam dalam kalangan ulama Shafi'i yang meninggal dunia di antara tahun 600 hingga 700 Hijrah. Beliau juga dikelompokkan termasuk dalam kalangan ulama bermazhab *al-Ashā'irah*. Al-Baydawi merupakan seorang ulama yang alim dan ahli ibadah yang zuhud. Beliau meninggal dunia pada tahun 685H di Tibriz. Lihat al-Subkī (t.t.), *op. cit.*, juz. 8, h. 157. Lihat juga biodata yang disediakan oleh pentahqiq kitabnya, al-Bayḍāwī, 'Abd Allāh ibn 'Umar (2009), *Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Khālid al-Jundī, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 75-76. Lihat juga Ḥamad al-Sinān dan Fawzī al-'Anjarī (t.t.), *op. cit.*, h. 249-252. Lihat juga al-Dhahabī, Muḥammad Ḥusayn (2003), *op. cit.*, h. 205.

<sup>22</sup> Beliau banyak menggunakan pandangan al-Ghazālī apabila menghuraikan *al-Asmā' al-Ḥusnā* dan susunan bab-bab dalam kitab juga sangat mirip dengan susunan penulisan al-Ghazālī dalam *al-Maqṣad al-Asnā*. Pada susunan penulisan, al-Rāzī membahagikan kepada *fi al-Mabādi' wa al-Muqaddimāt* (Prinsip-prinsip dan Pendahuluan), *fi al-Maqāṣid* (*Maksud-maksud*), *fi al-Lawāḥiq wa al-Mutamimāt* (*Lampiran dan Penyempurnaan*).



Qurtubi pula menulis kitab berjudul *al-Asnā fī Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā wa Ṣifātihi* untuk menjelaskan tentang nama-nama Allah SWT yang elok secara khusus. Pandangannya berkenaan nama-nama Allah SWT juga boleh diteliti di dalam kitab tafsirnya, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*.<sup>23</sup> Manakala, al-Baydawi menulis kitab yang berjudul *Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā* setelah diminta oleh beberapa sahabatnya untuk menjelaskan secara ringkas berkenaan nama-nama Allah SWT yang elok.<sup>24</sup> Penjelasan yang dibuat

Lihat 'Isā 'Abd Allah 'Alī (1988), "*Al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā' Allah al-Ḥusnā (li al-Imām Ḥujjah al-Islām Abī Ḥāmid al-Ghazālī al-Mutawaffā Sanah 505H): Dirāsah wa Taḥqīq*", (Disertasi Sarjana, Kuliyyah Usuluddin, Universiti al-Azhar), h. 52. Lihat juga al-Rāzī, Fakhr al-Dīn (1323H), *Lawāmi' al-Bayyināt Sharḥ Asmā' Allah Ta'āla wa al-Ṣifāt*, Egypt: Maṭba'ah al-Sharafīyyah, h. 2-3.

<sup>23</sup> Pada bahagian pendahuluan kitabnya, beliau menyatakan bahawa beliau memasukkan semua pendapat yang disepakati dan yang diperselisihkan tentang *al-Asmā' al-Ḥusnā* berpandukan al-Sunnah, bahasa dan pandangan para ulama. Al-Qurtubi juga menjelaskan tentang keperluan hamba-hamba Allah mengabdikan diri dengan nama-nama Allah SWT. Pada bahagian pendahuluan juga, beliau menjelaskan hukum-hukum yang berkaitan dengan *al-Asmā' al-Ḥusnā*. Beliau membahagikannya kepada empat puluh fasal. Huraian tentang hukum-hukum ini merupakan penjelasan tentang nama-nama Allah SWT seperti ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan tentang *al-Asmā' al-Ḥusnā*, hadis yang menyatakan bahawa Allah SWT memiliki sembilan puluh sembilan nama dan penjelasan tentang bilangan nama Allah SWT, anjuran berdoa dengan nama-nama Allah SWT dan seumpamanya. Semua ini merupakan hukum-hukum atau kefahaman asas tentang nama-nama Allah SWT sebelum nama-nama Allah SWT dijelaskan secara satu persatu dan secara terperinci. Lihat al-Qurtubī, Muḥammad ibn Aḥmad (2005), *Al-Asnā fī Sharḥ Asmā' Allah al-Ḥusnā wa Ṣifātihi*, taḥqīq 'Irfān ibn Salīm al-'Ashāhassunah, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, h. 1, 91, 133, 175, 273 dan 394. Berdasarkan kitab yang ditahqiq oleh pengkaji lain iaitu Majdī Fathī al-Sayyid, bahagian pendahuluan kitab ini mengandungi tiga puluh dua fasal yang telah hilang. Jumlah tersebut dikatakan hampir menyamai jumlah fasal pada bahagian pendahuluan kitab tafsirnya, *Jāmi' al-Ahkām al-Qur'an* iaitu dua puluh enam fasal. Menurut pandangan Majdī Fathī al-Sayyid yang mentahqiqkan kitab ini, ia terbahagi kepada dua bahagian; bahagian pertama menjelaskan tentang *al-Asmā' al-Ḥusnā* yang mana disebabkan adanya bahagian inilah, kitab ini dinamakan *Al-Asnā fī Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā*. Bahagian kedua menjelaskan sifat-sifat Allah SWT. Pendapat lain menyatakan bahawa, kitab ini terbahagi kepada tiga bahagian yang mana, bahagian pertama menjelaskan tentang manhaj al-Qurtubī tentang *al-Asmā' al-Ḥusnā* di dalam kitabnya, namun bahagian ini telah hilang. Bahagian keduadua ketiga adalah serupa dengan dua bahagian yang dijelaskan oleh Majdī Fathī al-Sayyid, lihat al-Qurtubī (1995), *op. cit.*, h. 42-43. Lihat juga al-Ghisnī (1996), *op. cit.*, h. 285

<sup>24</sup> Dalam karya yang menjelaskan nama-nama Allah SWT secara khusus, al-Baydawi cuba menghasilkan satu penulisan yang ringkas yang mengandungi maksud yang jelas dan mudah difahami. Tafsiran terhadap nama-nama Allah SWT dilakukan setelah beliau membuat penelitian khusus terhadap karya yang dihasilkan oleh al-Ghazālī berjudul,

mengandung tafsiran-tafsiran yang mengandung ayat-ayat al-Quran dan hadis. Penjelasan terhadap nama-nama Allah SWT juga dapat dilihat dalam kitab tafsirnya *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*, khususnya pada tafsiran ayat-ayat yang mengandung nama-nama Allah SWT.

Al-Razi menjelaskan perbezaan antara nama (*al-ism*), yang dinamakan (*al-musammā*) dan penamaan (*al-tasmiyyah*) dengan membandingkan pandangan Muktaẓilah dan al-Ghazali. Muktaẓilah berpendapat bahawa *al-ism* merupakan '*ayn al-tasmiyyah* dan ia bukanlah *al-musammā*. Sedangkan al-Ghazali pula berpendapat *al-ism*, *al-musammā* dan *al-tasmiyyah* merupakan tiga perkara yang berbeza. Pandangan al-Ghazali tersebut telah dipilih oleh al-Razi.<sup>25</sup> Menurut al-Ghazali, ketiga-tiga kalimah tersebut adalah kalimah yang berbeza kerana masing-masing mengandung makna yang berbeza. *Al-Isim* merujuk kepada lafaz yang diletakkan untuk menunjukkan sesuatu indikasi makna (*al-lafẓ al-mawdū' li al-dilālah*) sama ada lafaz nama atau lafaz sifat, *al-musammā* merujuk kepada sesuatu yang ditunjukkan dengan nama dan sifat, manakala *al-tasmiyyah* merujuk kepada perbuatan penamaan atau penyifatan tersebut.<sup>26</sup>

Al-Ghazali menjelaskan bahawa *al-ism* berbeza dengan *al-musammā* sepertimana jika seseorang itu diberi nama (*al-ism*) yang kurang baik tetapi orang yang diberi nama (*al-musammā*) tersebut merupakan individu yang segak. Atau seseorang (*al-musammā*) yang memiliki sifat yang mudah difahami (*musammā khafif*) diberi nama dengan lafaz nama (*al-ism*) yang sukar disebut (*ism thaqīl*) disebabkan nama yang diberikan itu mengandung

---

*al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Ma'ānī Asmā' Allah al-Ḥusnā* dan karya Fakhr al-Dīn al-Rāzī yang berjudul, *Lawāmi' al-Bayyināt Sharḥ Asmā' Allah wa al-Ṣifāt*. Al-Baydawi membahagikan kitabnya kepada tiga bahagian iaitu *al-mabādi'* (bahagian prinsip-prinsip), *al-maqāṣid* (bahagian maksud nama-nama Allah SWT) dan *al-zawā'id* (bahagian tambahan). Dalam bahagian pertama iaitu *al-mabādi'*, al-Baydawi menjelaskan tiga belas prinsip berkenaan *al-Asmā' al-Ḥusnā*. Beliau menghuraikan secara ringkas berkenaan lafaz, nama dan sifat. Pada bahagian *al-maqāṣid*, beliau menjelaskan *al-Asmā' al-Ḥusnā* dengan dimulai penerangan berkaitan kalimah *huwa* dan kalimah *lā ilāha illā Allah*. Pada bahagian ketiga yakni *al-zawā'id*, beliau menjelaskan nama-nama *al-dhāt*, sama ada dibolehkan ataupun tidak untuk disandarkan kepada Allah SWT seperti *al-shay'*, *al-qadīm*, *al-azālī*, *wājib al-wujūd lidhātihī*, *al-dā'im*, *jism* dan *al-jawhar*. Beliau juga menjelaskan nama-nama sifat *ma'nawīyyah* dengan membawakan pandangan *Ahl al-Sunnah* dan Muktaẓilah. Lihat al-Bayḍāwī (2009), *op. cit.*, h. 90, 93-150, 159, 169, 348, 351.

<sup>25</sup> 'Isā 'Abd Allāh 'Alī (1988), *op. cit.*, h. 52. Lihat juga al-Rāzī (1323H), *op. cit.*, h. 2-3.

<sup>26</sup> Al-Ghazālī (2008), *op. cit.*, h. 24 dan 183-184.



huruf yang banyak dan makhrajnya berat untuk disebut (*bi ism kathīr al-ḥurūf thaqīl al-makhārij*). *Al-Ism* juga boleh menjadi lafaz kiasan tetapi sesuatu yang dinamakan (*al-musammā*) bukanlah sesuatu kiasan. Ini menunjukkan perbezaan di antara keduanya. Terdapat juga perbezaan di antara *al-ism* dan *al-tasmiyyah* di mana *al-tasmiyyah* berkait dengan perbuatan orang yang memberi nama (*af'āl al-musammīn*) yang boleh dilakukan berkali-kali meskipun nama tersebut hanyalah satu sahaja, maka banyaknya *al-tasmiyyah* tidak perlu kepada banyaknya *al-ism*. Ini menunjukkan terdapat perbezaan di antara ketiga-tiga perkataan tersebut.<sup>27</sup>

Al-Qurtubi membawa ayat al-Quran yang menjelaskan tentang *al-Asmā' al-Ḥusnā*, antaranya ialah firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي  
 أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

Terjemahan:

“Hanya milik Allah nama-nama yang elok, maka mohonlah kepada-Nya dengan menyebut nama-nama yang elok itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.”

Sūrah al-A‘rāf, (7): 180

Beliau menjelaskan bahawa, makna ayat di atas ialah, Allah memerintahkan umat Islam agar ikhlas beribadat kepada-Nya dan menjauhi orang-orang musyrik dan *mulhid*. Menurut Muqatil, ayat ini diturunkan berhubung dengan orang Islam yang berdoa kepada Allah SWT dengan mengungkapkan *Yā Raḥmān Yā Raḥīm*. Kemudian mereka disindir oleh golongan musyrik Mekah dengan mendakwa bahawa mereka berdoa kepada dua tuhan yang berlainan yakni tuhan *Raḥmān* dan tuhan *Raḥīm*. Kemudian, ayat ini diturunkan agar mereka terus ikhlas beribadat tanpa mempedulikan golongan musyrik tersebut.<sup>28</sup> Setelah makna nama-nama Allah SWT dijelaskan, al-Qurtubi kemudiannya menyatakan kelebihan orang-orang yang menghayati nama-nama Allah SWT. Biasanya beliau

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 28 dan 37-38.

<sup>28</sup> Al-Qurtubī (2005), *op. cit.*, h. 1.



akan memulakan penjelasan tersebut dengan ungkapan “*fayajibu ‘alā kulli mukallaf*” yang bermaksud ‘maka diwajibkan kepada golongan mukallaf’. Setelah itu, beliau menyatakan kelebihan-kelebihan bagi mereka yang menghayati nama-nama Allah SWT.<sup>29</sup>

Al-Qurtubi juga memetik pelbagai pandangan tentang jumlah nama-nama Allah SWT, antaranya ialah nama-nama Allah SWT melebihi jumlah sembilan puluh sembilan nama dan semua nama tersebut hanya diketahui oleh Allah SWT dan hamba-hamba-Nya yang terpilih. Jumlah sembilan puluh sembilan tersebut hanya khusus untuk dihayati. Beliau juga menjelaskan bahawa, ulama berbeza pendapat tentang makna kalimah *aḥṣāhā*. Ada yang mengatakan bahawa ia merujuk kepada menghafal nama-nama Allah SWT. Pendapat lain menyatakan bahawa ia bermaksud memahami dan mengenali nama-nama Allah SWT. Pendapat lain pula ialah bermaksud beriman dengan nama-nama Allah SWT dan membesarkannya. Perkara yang dituntut dalam mengenali nama-nama Allah SWT ialah mengabdikan diri kepada-Nya dan menuruti-Nya. Jadi, kalimah *aḥṣāhā* tidak merujuk kepada makna menghafal semata-mata.<sup>30</sup>

Menurut al-Razi, ungkapan “*aḥṣāhā dakhala al-jannah*” dapat diuraikan kepada empat maksud:<sup>31</sup>

1. Melakukan kiraan nama-nama Allah SWT untuk didoakan dengan-Nya.
2. *Ihsa'* melalui lidah disusuli dengan *ihsa'* melalui akal. Contohnya, apabila seseorang menyifatkan Allah SWT sebagai *al-Quddus*, maka ia perlu memikirkan bahawa zat, sifat, perbuatan, hukum-hakam, nama-nama Allah SWT terpelihara dari segala kekurangan.
3. Merasai pengabdian kepada Allah SWT sebagaimana yang terkandung dalam konsep ihsan. Contohnya, apabila seseorang menyebut *al-Malik*, dia akan merasakan semua kewujudan adalah milik Allah SWT dan bermuamalah dengan-Nya seolah-olah seorang hamba yang hina ketika berhadapan dengan Raja Yang Mulia.
4. Mempelajari nama-nama Allah SWT dengan mengutip kesemuanya dari

<sup>29</sup> Al-Ghisnī (1996), *op. cit.*, h. 288.

<sup>30</sup> Al-Qurtubī (2005), *op. cit.*, h. 3 dan 13.

<sup>31</sup> Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 79-80.

al-Quran, hadis dan *dalā'il al-'aql*, iaitu berdasarkan dalil-dalil akal yang dapat difahami hasil daripada penelitian terhadap keterangan al-Quran dan al-Sunnah sehingga ia mencapai jumlah sembilan puluh sembilan nama yang dimaksudkan Allah SWT. Aktiviti ijtihad untuk mengumpul semua nama ini secara lengkap adalah sangat sukar dilakukan kerana ia memerlukan kemahiran teliti dan ia juga merupakan darjat yang sangat tinggi dalam pengabdian diri kepada Allah SWT.

Apabila membahaskan tentang nama-nama Allah SWT, al-Baydawi memetik pandangan al-Ghazali yang menyatakan bahawa penetapan nama-nama Allah SWT hanya boleh diambil secara *tawqīf* yakni terhentik berdasarkan keterangan al-Quran dan al-Sunnah, manakala penetapan sifat bagi Allah SWT, ia dibenarkan meskipun tiada *tawqīf*. Pandangan al-Ghazali ini juga dipegang oleh jumhur ulama seperti dijelaskan oleh al-Baydawi. Berhubung dengan penetapan nama bagi Allah SWT ini, ia perlu kepada *tawqīf* kerana, jika tidak ia akan membawa penetapan nama kepada Allah SWT yang tidak layak bagi-Nya seperti *al-'Ārif*, *al-Faqīh* dan *al-'Āqil*. Nama-nama ini tidak layak bagi Allah SWT kerana ia memberi maksudkekurangan kepada Allah SWT. Contohnya, *al-'Ārif* dan *al-Faqīh* akan memberi maksud bahawa sebelum Allah SWT mengetahui dan memahami, Allah SWT perlu berusaha terlebih dahulu untuk mendapat sesuatu ilmu atau memahami sesuatu. Ini mustahil bagi Allah SWT. Namun, dibenarkan penetapan sifat bagi Allah SWT tanpa *al-tawqīf*, apabila penetapan sifat tersebut merujuk kepada maksud yang benar bagi Allah SWT. Namun, jika ia memberi maksud yang boleh membawa kekurangan kepada Allah SWT dan makna yang tidak layak bagi-Nya, maka ia dilarang sama sekali. Penetapan sifat-sifat tersebut terbahagi kepada tiga bahagian:<sup>32</sup>

1. Sifat yang wajib bagi Allah SWT yang mana penetapan sifat tersebut boleh dibuat secara bersendirian seperti *al-mawjūd*, *al-azalī* dan *al-qadīm*. Dbolehkan juga disebut sesuatu lafaz secara bersendirian

<sup>32</sup> Al-Baydāwī (2009), *op. cit.*, h., h. 113-116. Lihat juga al-Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 34-35. Pandangan al-Qurtubī berbeza berkenaan penetapan nama dan sifat bagi Allah SWT di mana kedua-duanya tidak boleh disandarkan kepada Allah SWT melainkan nama dan sifat tersebut disebut oleh al-Quran dan al-Sunnah sebagaimana yang dipilih oleh al-Ash'ari sendiri. Namun, pandangan tentang kebenaran atau keizinan penyandaran *al-mawjūd* bagi Allah SWT, larangan penyandaran *'ārif*, *faqīh*, *yā Khāliq al-khanāzir* dan lain-lain yang memberi maksud kekurangan kepada Allah SWT adalah sama dengan pandangan al-Rāzī dan al-Baydāwī. Lihat al-Qurtubī (2005), *op. cit.*, h. 14, 22, 31.

mahupun lafaz yang disandarkan kepada lafaz lain seperti *al-Rabb* dan *al-Ilāh*. Selain itu, dibolehkan juga disebut lafaz secara bersendirian mahupun lafaz yang disandarkan kepada sebahagian lafaz lain seperti *Yā Khāliq al-samāwāt*, tetapi tidak boleh disebut *Yā Khāliq al-khanāzir*. Terdapat lafaz sifat yang hanya boleh disebut secara bersandaran dengan lafaz yang lain dan tidak boleh disebut secara bersendirian seperti *Yā Muḥarrik al-samāwāt*, tetapi tidak boleh disebut ungkapan *Yā Muḥarrik*.

2. Sifat yang mustahil atau terlarang bagi Allah SWT yang mana penetapan sifat ini sama sekali dilarang oleh syarak dan ia tidak layak disifatkan kepada Allah SWT. Meskipun ia disebut berdasarkan keterangan nas atau secara *al-tawqīf*, namun ia perlu ditakwil yakni tidak dimaksudkan dengan makna zahir seperti *al-wajh*, *al-yad*, *al-nuzūl* dan seumpamanya. Di samping kaedah takwil, terdapat satu lagi kaedah yang diamalkan iaitu *al-tafwid*, dengan pengertian seseorang beriman dengan apa yang diwahyukan oleh Allah SWT berkenaan ayat-ayat sifat dan tidak memberi erti berdasarkan makna zahir, contohnya perkataan *yad*. Menurut al-Nawawī (m. 676H), ketika mensyarahkan ungkapan *wa kiltā yadayhi yamīn* yang secara zahirnya bermaksud 'dan kedua-dua tangan-Nya di sebelah kanan', beliau mengingatkan bahawa ungkapan tersebut tidak merujuk kepada anggota badan Allah SWT di sebelah kanan kerana ia mustahil bagi-Nya. Beliau menjelaskan bahawa majoriti ulama salaf dan sebahagian ulama kalam berpendapat bahawa mereka beriman dengan kalimah yang didatangkan oleh Allah SWT, tidak mentakwilkannya dan tidak mengetahui maknanya. Mereka juga menafikan makna zahir bagi kalimah tersebut bagi Allah SWT, sebaliknya mereka menyatakan bahawa ia mempunyai makna yang layak bagi-Nya. Manakala, menurut pendapat majoriti ulama kalam, ia ditakwilkan kepada maksud yang layak bagi Allah SWT. Penggunaan takwil ini turut dilakukan oleh al-Qadi 'Iyad (m. 544H) sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Nawawī apabila mensyarahkan kalimah *min yamīn al-Raḥmān* yang secara zahirnya bermaksud 'dari sebelah kanan Tuhan Yang Maha Pemurah'. Menurut al-Nawawī, ungkapan tersebut merupakan salah satu daripada ayat-ayat sifat bagi Allah S.WT yang tidak boleh dimaksudkan secara makna zahir. Al-Qadi 'Iyad mentakwilkan ungkapan tersebut kepada *al-ḥālah al-ḥasanah* (keadaan yang baik) dan *al-manzilah al-rafi'ah* (kedudukan yang tinggi). Al-Nawawī juga menukilkan pandangan ulama



yang menyatakan bahawa orang Arab memang mengaitkan perbuatan yang terpuji dan baik dengan arah kanan, dan sebaliknya perbuatan buruk pula dengan arah kiri.<sup>33</sup>

<sup>33</sup> Menurut 'Alī al-Qārī (m. 1014H), ulama salaf dan khalaf bersepakat bahawa lafaz-lafaz seperti *ṣūrah*, *al-yad* dan lain-lain dipalingkan dari makna zahirnya (*ṣarf al-lafz 'an zāhirihi*) atau tidak dimaksudkan makna zahir yang diketahui oleh manusia (*zāhiruhāal-muta'ārif fi haqqina ghayr murād*). Mereka hanya khilaf pada persoalan; adakah lafaz-lafaz tersebut boleh dipalingkan dari makna zahirnya melalui kaedah takwil seperti yang dilakukan oleh majoriti khalaf dan sebahagian daripada salaf. Contohnya, Ibn 'Ābidin (m. 1252H) menjelaskan bahawa, jika orang awam hanya memahami *al-istiwā'* dengan makna *al-itṭisāl* (Allah SWT merapati Arash), maka dibenarkan untuk ditakwilkan kepada lafaz *al-istilā'* (menguasai). Mereka bukanlah berhasrat untuk menyalahi kaedah *salaf al-ṣāliḥ* tetapi mereka berhadapan dengan darurat disebabkan munculnya banyak fahaman *al-Mujassimah* dan *al-Jahmiyyah* yang menyebarkan kesesatan mereka dalam kalangan orang awam. Kemudiannya, terbukti mereka berjaya menyedarkan kebanyakan daripada mereka. Meskipun begitu, mereka berpandangan bahawa, sekiranya zaman ini sebaik zaman seperti zaman *salaf al-ṣāliḥ* yang terpelihara dari kebatilan akidah, sudah pasti mereka tidak akan melakukan takwil ini. Kaedah takwil ini dipakai kerana terdapat petunjuk bahawa di kalangan *salaf al-ṣāliḥ* juga turut melakukan *ta'wīl tafṣīlī* seperti dua *kibār al-salaf* yakni Imām Mālik (m. 179H) dan al-Awzā'ī (m. 158H) termasuk Sufyān al-Thawrī (m. 161H), Imām Ja'far al-Sādiq (m. 149H) dan Imām Aḥmad. Contohnya, menurut Ibn Ḥazm (m. 456H), Imām Aḥmad menyatakan bahawa ayat 22 Sūrah al-Fajr iaitu *wa jā'a rabbuka* bermaksud telah datang urusan Tuhan kamu (*jā'a amru rabbika*) yang menepati ayat 33 Sūrah al-Naḥl iaitu *ya'tiya amru rabbika*. Huraian makna ini didasarkan kepada dalil al-Quran. Dalam hal ini, 'Izz al-Dīn ibn 'Abd al-Salām menyatakan bahawa, syarat takwil ialah takwilan itu perlu sangat hampir dengan hak Allah SWT dan perlu didasarkan kepada dalil. Menurut Ibn al-Jawzī (m. 597H), terdapat golongan yang menisbahkan pandangan mereka kepada Imām Aḥmad tetapi sebenarnya pandangan Imām Aḥmad tidaklah sedemikian. Antara kesilapan mereka dalam memahami *al-asmā' wa al-ṣifāt* ialah menyandarkan kepada Allah SWT dengan nama dan sifat secara zahir lafaz dan tidak memerhatikan nas-nas yang memalingkan makna zahir lafaz kepada makna yang wajib bagi Allah SWT. Jika mereka membaca hadis-hadis yang mengandungi lafaz zahir kemudiannya diam, maka tiada siapa pun yang akan membantah, tetapi mereka memahami lafaz tersebut secara makna zahir, maka ini adalah salah. Mereka menyatakan bahawa tiada siapa pun yang tahu takwilannya melainkan Allah SWT, tetapi mereka menyatakan pula bahawa ia boleh difahami secara makna zahir. Inilah keganjilan pandangan mereka, kerana makna zahir *al-istiwā'* akan diertikan dengan *al-qu'ūd* (duduk) dan *al-nuzūl* akan diertikan dengan *al-intiqāl* (berpindah). Menurut Taqiyy al-Dīn al-Subkī (m. 756H), *al-qu'ūd* lebih dekat dengan penjisiman berbanding *al-mashī'ah*. Ini kerana, *al-qu'ūd* tiada makna lain melainkan satu sahaja yakni mengambil tempat. Manakala, *al-mashī'ah* pula ada dua makna. Pertama, ia bagaikan '*araḍ*' yang ada pada jisim, maka ini adalah mustahil bagi Allah SWT. Kedua, *al-mashī'ah* merujuk kepada makna yang tertakluk kepada *al-murād* (sesuatu yang diinginkan) yang tiada kaitan dengan jisim.

### 3. Sifat yang tidak merujuk kepada sifat wajib dan juga tidak merujuk

Inilah perbezaan di antara keduanya [di mana makna zahir *al-qu'ūd* dilarang penyandarannya kepada Allah SWT melalui lafaz *al-istiwā'* tetapi *al-mashī'ah* dibenarkan penyandarannya bagi Allah SWT jika ia merujuk kepada makna yang kedua]. Begitu juga dengan makna *al-istīlā'*, ia merujuk kepada dua maksud, pertama, ia merujuk kepada sesuatu yang mungkin bagi hak Allah SWT yang jauh dari sifat kekurangan. Kedua, ia merujuk kepada makna *al-julūs* dan *al-qu'ūd* yang tiada lain maknanya melainkan merujuk kepada satu makna sahaja yakni makna sifat jisim yang mustahil bagi Allah SWT. Sesiapa yang menyandarkan *al-qu'ūd* kepada Allah SWT tetapi tidak memaksudkannya dengan sifat jisim (*wa man aṭlaqa al-qu'ūd wa lam yurid ṣifāt al-ajsām*), maka dia telah berkata tentang sesuatu yang tidak didasarkan kepada penyaksian saksi bahasa dan hal tersebut adalah batil. Ia seolah-olahnya sama seperti orang yang mengiktiraf penjisiman Allah SWT, yang mengingkari bagi-Nya [sifat yang layak bagi Allah SWT iaitu ketidakserupaan-Nya dengan makhluk], maka diambil kira untuk dibalas [atas] pengakuan [penjisiman tersebut] dan tidak memberi faedah keingkarannya itu [bahawa Allah SWT tidak bersifat dengan sifat kejisiman] (*wa huwa ka al-muqirr bi al-tajsim al-munkir lahu fayu'ākhadh bi iqrārihi wa lā yufid inkāruh*). Menurut al-Subkī lagi, sesungguhnya Allah SWT memiliki sesuatu secara sempurna sejak azali, lagi abadi, namun demikian Arash dan apa yang terletak di bawahnya adalah baharu. Sesungguhnya firman-Nya [yang bermaksud] “kemudian Dia beristiwā' atas Arash [yang layak bagi-Nya]” adalah menunjukkan kebaharuan Arash, bukannya kebaharuan *al-istiwā'* (*li ḥudūth al-'Arsh lā li ḥudūth al-istiwā'*). Menurut Zarrūq (m. 899H), *al-istiwā' ma'lūm* menurut Imām Mālik ialah makna *al-istiwā'* diketahui ada banyak maksud dalam bahasa Arab tetapi telah ijmak bahawa maksud zahir lafaz adalah batil. Atau menurut Zāhid al-Kawthārī (m. 1371H), maksud ungkapan Imām Mālik iaitu *al-istiwā' ghayr majhūl*, adalah bermaksud ia adalah *thābit* yang diketahui pensabitannya bagi Allah SWT yang tidak bermaksud menempati tempat dan inilah yang dikatakan tidak dijahili [atau sesuatu yang diketahui pada *al-istiwā'*] (*annahū thābit ma'lūm al-thubūt lā anna ma'nāhu al-istiqrār wa huwa ghayr majhūl*). Berdasarkan pandangan para ulama, penulis berpandangan bahawa antara kesilapan yang dilakukan oleh sesetengah pihak ialah mereka memberi makna berdasarkan zahir lafaz, sedangkan ulama *salaf* dan *khalaf* bersepakat bahawa lafaz tersebut tidak dimaksudkan makna zahir kerana maknanya diserahkan kepada Allah SWT meskipun mereka khilaf pada keharusan takwil yang membantu untuk memalingkan lafaz tersebut dari makna zahirnya. Ini disebabkan kesilapan mereka dalam memahami ungkapan Imām Mālik berkenaan kaedah *salaf al-ṣālih* iaitu *al-istiwā' ghayr majhūl* di mana mereka beranggapan bahawa lafaz tersebut diketahui maknanya dengan makna duduk, ambil arah atau menetap, cuma *kayfiyyah* saja diserahkan kepada Allah SWT. Sebaliknya, kaedah *salaf al-ṣālih* yang sebenar ialah tiada sesiapa pun yang mengetahui makna lafaz tersebut [di samping ada khilaf diberikan makna dengan lafaz yang tiada *tashbīh* seperti *al-istīlā'* dengan syarat ia mempunyai dalil dan selari dengan bahasa Arab]. Seperti yang dijelaskan sebelum ini bahawa perkara yang diketahui (*ghayr majhūl*) ialah lafaz itu disabitkan kepada Allah SWT dan ia tidak bermakna secara zahir seperti *al-istiqrār* dan *al-qu'ūd*. Atau maknanya memang diketahui menurut bahasa Arab yang ada banyak makna tetapi para ulama telah sepakat bahawa makna yang merujuk kepada zahir lafaz



kepada sifat mustahil atau terlarang bagi Allah SWT yang mana ia dilarang ditetapkan pada Allah SWT meskipun sifat tersebut disebut di dalam al-Quran seperti Makkār (banyak tipu daya) dan Khaddā' (banyak menipu). Firman Allah SWT yang menunjukkan kepada perkataan Makkār:

وَمَكْرُؤٌ وَّمَكْرَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينِ ﴿٥٤﴾

Terjemahan:

“Dan orang-orang (Yahudi yang kafir) itupun merancang tipu daya (hendak membunuh nabi Isa), dan Allah pula membalas tipu daya (mereka), dan (ingatlah), Allah sebijak-bijak yang membalas (dan menggagalkan segala jenis) tipu daya.”

Sūrah Ali ‘Imrān, (3): 54

## BEBERAPA CONTOH HURAIAN MAKSUD *AL-ASMĀ’ AL-ḤUSNĀ*

Antara nama-nama Allah SWT yang indah ialah *al-Samīʿ* yang bermaksud Tuhan Yang Maha Mendengar dan *al-Baṣīr* yang bererti Tuhan Yang Maha Melihat. Antara ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan Allah SWT memiliki nama tersebut seperti firman-Nya:

هٰذَا الَّذِي دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ ۗ قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً

adalah dilarang. Manakala, takwilan yang benar pula ialah takwil yang berdasarkan dalil dan takwilan itu bukanlah bertujuan menafikan pengisbatan lafaz zahir kepada Allah SWT seperti takwilan *al-Jahmiyyah* tetapi ia bertujuan menafikan makna zahir *tashbīh* yang terdapat pada lafaz zahir itu sahaja. Lihat al-Nawawī (1930), *op. cit.*, juz. 12, h. 211-212. Lihat juga ‘Alī al-Qārī (2001), *op. cit.*, j. 1 dan 3, h. 144 dan 270. Lihat juga Ibn al-Jawzī, ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Alī (2004), “Daf’ Shubhah al-Tashbīh”, dalam Muḥammad Zāhid al-Kawthārī (taḥqīq), *al-‘Aqīdah wa ‘Ilm al-Kalām min A’ māl al-Imām Muḥammad Zāhid al-Kawthārī*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. bā’- dāl, 235-236 dan 261. Lihat juga al-Subkī, Taqīyy al-Dīn ‘Alī (2004), “al-Sayf al-Ṣāqil fī al-Radd ‘alā Ibn Zafīl”, dalam Muḥammad Zāhid al-Kawthārī (taḥqīq), *al-‘Aqīdah wa ‘Ilm al-Kalām min A’ māl al-Imām Muḥammad Zāhid al-Kawthārī*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 480, 504, 513, 518 dan 522. Lihat juga Zarrūq, Abū al-‘Abbās Aḥmad (2007), *Sharḥ ‘Aqīdah al-Imām al-Ghazālī*, taḥqīq Muḥammad ‘Abd al-Qādir Naṣṣār, Kaherah: Dār al-Karz, h. 59-67.



طَيْبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ ﴿٣٨﴾

Terjemahan:

“Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhannya, katanya: Wahai Tuhanku, kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik, sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar (menerima) doa permohonan.”

Sūrah Ali ‘Imrān (3): 38

Firman Allah SWT:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ يُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَأَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ ﴿٦١﴾

Terjemahan:

“Pertolongan yang dijanjikan Allah tetap berlaku kerana Allah berkuasa menukar gantikan sesuatu keadaan sebagaimana kuasa-Nya memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam (silih berganti), dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”

Sūrah al-Ḥajj, (22): 61

Al-Razi menerangkan bahawa *samī' al-du'ā'* bukanlah bermaksud “mendengar suara orang-orang yang berdoa semata-mata”, kerana ia sudah diketahui bahawa Allah SWT Maha Mendengar suara-suara, tetapi sebenarnya bermaksud Allah SWT akan memakbulkan doa dan tidak menghampakan hamba-hamba-Nya yang berdoa. Menurut al-Qurtubi, Allah SWT merupakan Tuhan yang menerima permintaan dan memakbulkan doa hamba-hamba-Nya. Allah SWT juga mendengar segala pujian yang dilakukan oleh mereka. Al-Razi berpandangan bahawa hamba Allah SWT yang menghayati nama ini dia akan memahami dengan jelas bahawa sifat Allah SWT terpelihara dari penyerupaan dengan makhluk-makhluk-Nya. Ini merupakan salah satu dari empat cara penghayatan terhadap nama-nama Allah SWT.<sup>34</sup>

<sup>34</sup> Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn (1981), *Tafsir al-Fakhr al-Dīn al-Mushtahir bi al-Tafsir al-Kabīr wa Mafātīḥ al-Ghayb*, j. 8, Beirut: Dar al-Fikr, h. 37. Lihat juga al-Qurtubī (2006), *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, taḥqīq 'Abd Allāh ibn 'Abd al-Muḥsin, j. 5, Beirut:

Berhubung dengan *al-Baṣīr*, Ibn Kathir menjelaskan bahawa *al-Baṣīr* bermaksud Allah SWT dapat melihat makhluk-makhluk-Nya tanpa ada perkara yang tersembunyi dari pengetahuan-Nya. Pengetahuan-Nya meliputi semua keadaan dan pergerakan manusia. Menurutnya, Allah SWT membantu hamba-Nya dengan memberi petunjuk kepada mereka untuk memikirkan tanda-tanda keagungan dan kebesaran-Nya melalui perutusan para rasul AS, penciptaan langit dan bumi yang membuktikan kebenaran ajaran-Nya. Hanya mereka yang tidak beriman sahaja yang gagal memerhatikan tanda-tanda ini sehingga dengan itu, mereka beroleh petunjuk daripada Allah SWT.<sup>35</sup> Ini antara amalan yang dianjurkan kepada umat Islam apabila menghayati *al-Asmā' al-Husnā* seperti *al-Baṣīr*. Penghayatan ini menepati hadis Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ قَالَ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالتَّوَافُلِ حَتَّىٰ أَحْبَبُّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يَبْصُرُ بِهِ

Terjemahan:

“Daripada Abu Hurayrah telah berkata: Rasulullah SAW telah bersabda: Sesungguhnya Allah SWT telah berfirman: Dan hamba-Ku yang mendekatkan diri kepada-Ku dengan amalan-amalan sunat sehingga Aku mencintainya, maka apabila Aku mencintainya, Aku akan menjadi pendengaran yang ia mendengar dengannya dan menjadi penglihatan yang ia melihat dengannya.”<sup>36</sup>

Menurut al-Razi, cara menghayati nama ini adalah bertepatan dengan konsep *al-iḥsān* seperti yang terkandung dalam sabda Nabi Muhammad SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْإِحْسَانُ قَالَ الْإِحْسَانُ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Mu'assasah al-Risālah, h. 110. Lihat juga al-Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 79-80 dan 233.

<sup>35</sup> Ibn Kathīr (2000), *op. cit.*, j. 7 dan 10, h. 91-92 dan 405.

<sup>36</sup> Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā'īl (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Riqāq, Bāb al-Tawāḍu', no. 6502, dalam Sāliḥ ibn 'Abd al-'Azīz (ed.), *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', h. 545.

Terjemahan:

*“Daripada Abu Hurayrah RA (yang meriwayatkan bahawa) telah bertanya malaikat Jibril: Wahai Rasulullah, apakah ihsan? Nabi menjawab: Kamu beribadat seolah-olah kamu melihat Allah SWT, maka jika kamu tidak mampu, maka sesungguhnya Allah SWT melihat kamu”.*<sup>37</sup>

Contoh nama-nama Allah SWT yang lain adalah seperti yang dijelaskan sendiri oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُ  
مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

Terjemahan:

*“Bertasbih kepada-Nya apa yang di langit dan bumi. Dan Dialah Yang Maha Mengatasi (orang lain) lagi Yang Maha Memiliki Kebijaksanaan (kerana kesempurnaan ilmu-Nya dan ketekunan-Nya dalam melakukan sesuatu)”*

Sūrah al-Ḥashr, (59): 24

Al-Baydawi menghuraikan bahawa Allah SWT mempunyai nama-nama yang elok yang menunjukkan kepada makna-makna yang baik. Beliau juga menerangkan *al-‘Azīz* dan *al-Ḥakīm* dalam ayat ini bermaksud bahawa Allah SWT memiliki kekuasaan dan ilmu yang sempurna.<sup>38</sup> Menurut al-Suyuti, makna *al-Ḥakīm* pada ayat yang lain, ia boleh menunjukkan maksud bijaksana di dalam urusan-Nya.<sup>39</sup> Menurut al-Qurtubi, antara cara menghayati *al-Asma' al-Husna*, contohnya *al-‘Azīz* ialah manusia wajib merendah diri dengan kebesaran Allah SWT dan merasa hina dengan sifat

<sup>37</sup> Al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Tafsir al-Qur’ān, Bāb Qawluhu Inna Allāh ‘Indahu ‘Ilm al-Sā‘ah, no. 4777, dalam Sāliḥ ibn ‘Abd al-‘Azīz (ed.), *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyad: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, h. 405.

<sup>38</sup> Al-Bayḍāwī, Nāṣir al-Dīn Abū Sa‘īd ‘Abd Allāh (1988), *Tafsir Al-Bayḍāwī al-Musammā Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl*, jil. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 484.

<sup>39</sup> Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn (2003), *Al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsir bi al-Ma’thūr, taḥqīq ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī*, j. 2, Kaherah: Markaz Ḥijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, h. 490-492. Ayat yang dimaksudkan ini ialah Sūrah al-Baqarah (2): 209.



'Izzah-Nya. Mereka juga diwajibkan merendah diri apabila berhadapan dengan para wali-Nya (*awliyā'ihī*) dan golongan yang mentaati-Nya (*ahl ṭā'atihi*) dan bermuamalah dengan mereka dengan cara memberi khidmat kepada mereka dan seumpamanya. Mereka akan berpeluang memiliki kemuliaan (*izzah*) dari Allah SWT di dunia dan akhirat bergantung kepada tahap ketundukan dan kekhushyukan mereka kepada Allah SWT.<sup>40</sup> Firman Allah SWT;

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Terjemahan:

*“Dialah Yang Pertama (iaitu Yang Qadim dan tidak didahului oleh sesuatu yang lain), Yang Akhir, Yang Maha Nyata [dengan menzahirkan kewujudan-Nya berdasarkan tanda-tanda kewujudan dan kebesaran-Nya di alam ini], Yang Maha Tersembunyi [zat-Nya sehingga tidak diketahui oleh sesiapa pun], dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.”*

Sūrah al-Ḥadīd (57): 3

Menurut al-Baydawi, di dalam ayat di atas, ditunjukkan lima nama bagi Allah SWT iaitu *al-Awwal* yang bermaksud Allah SWT mendahului kewujudan semua makhluk-Nya, *al-'Ākhir* yang bermaksud yang tinggal terakhir setelah kemusnahan makhluk-Nya, *al-Zāhir* bermaksud kewujudan-Nya dapat dikesan melalui tanda-tanda secara zahir seperti alam dan sebagainya, *al-Bāṭin* bermaksud hakikat zat-Nya yang tidak diketahui oleh akal-akal manusia dan *'Ālim*, bermaksud Yang Mengetahui yang zahir dan tersembunyi. Al-Razi menerangkan bahawa sesiapa yang mengetahui bahawa Allah SWT memiliki nama *'Ālim* iaitu mereka memahami bahawa Allah SWT amat mengetahui sesuatu, maka dia akan mengetahui tentang keadaan dirinya, sabar atas ujian yang menimpa, bersyukur dengan nikmat yang diberikan dan bertaubat atas kesalahan yang dilakukannya.<sup>41</sup>

<sup>40</sup> Sifat merendah diri kepada para wali dan golongan yang taat tersebut adalah menepati firman Allah SWT dalam Sūrah al-Ḥijr, (15): 88 dan Sūrah al-Mā'idah, (5): 54. Lihat al-Qurṭubī (2005), *op. cit.*, h. 186-187.

<sup>41</sup> Al-Bayḍāwī (1988), *op. cit.*, jil. 2, h. 466. Lihat juga al-Rāzī (2000), *op. cit.*, h. 228.

## KESIMPULAN

Perbahasan *Al-Asmā' al-Ḥusnā* adalah amat penting dalam perbahasan akidah kerana mauduk ini melibatkan perbincangan tentang perihal berkaitan dengan zat Allah SWT. Disebabkan kepentingan ini, ulama *mufasssīrīn* beraliran *al-Ashā'irah* seperti Fakhr al-Din al-Razi, Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi dan 'Abd Allah ibn 'Umar al-Baydawi telah membahaskan topik ini di dalam kitab-kitab tafsir mereka dan kitab khusus yang dikarang berkaitan dengan *al-Asmā' al-Ḥusnā*. Mereka telah menjelaskannya secara terperinci pengertian nama-nama Allah SWT dan kaedah menghayatinya berdasarkan keterangan al-Quran dan al-Sunnah. Ilmu ini perlu difahami dengan baik agar umat Islam memiliki pengetahuan yang benar tentang Allah SWT. Mudah-mudahan, melalui penjelasan ini umat Islam akan dapat mencapai makrifah tentang Allah SWT melalui nama-nama-Nya yang indah berdasarkan huraian ulama *mufasssīrīn* beraliran *al-Ashā'irah*.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

'Alī al-Qārī, 'Alī ibn Sulṭān (2001), *Mirqāh al-Miftāḥ Sharḥ Mishkāh al-Miṣbāḥ*, taḥqīq Jamāl 'Aytānī, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

'Isā 'Abd Allāh 'Alī (1988), "*al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā Allāh al-Ḥusnā (li al-Imām Hujjah al-Islām Abī Ḥāmid al-Ghazālī al-Mutawaffā Sanah 505H): Dirāsah wa Taḥqīq*", (Disertasi Sarjana, Kuliyyah Usuluddin, Universiti al-Azhar).

Aḥmad 'Abd al-Jawwād (t.t.), *Wa Lillāh al-Asmā' al-Ḥusnā*, Kaherah: Dār al-Bayān li al-Turāth.

Al-'Uryānī, 'Uthmān al-Kulaysī (2002), *Khayr al-Qalā'id fī Sharḥ Jawāhir al-'Aqā'id*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Adnahwī, Aḥmad ibn Muḥammad (1997), *Ṭabaqāt al-Mufasssīrīn*, taḥqīq Sulaymān ibn Ṣāliḥ al-Khazī, Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum al-Hikam.

Al-Ash'arī, Abū al-Ḥasan (1977), *al-Ibānah 'an Uṣūl al-Diyānah*, taḥqīq Fawqīyyah Ḥusayn Maḥmūd, Kaherah: Dār al-Anṣār.

- Al-Bayḍāwī, ‘Abd Allāh ibn ‘Umar (2009), *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Khālīd al-Jundī, Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Bayḍāwī, Nāṣir al-Dīn Abū Sa‘īd ‘Abd Allāh (1988), *Tafsir Al-Bayḍāwī al-Musammā Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Dhahabī, Muḥammad Ḥusayn (2003), *Al-Tafsir wa al-Mufasssirūn*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid (2008), *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Abū Sahl dan Najāh ‘Iwāḍ Ṣiyām, Kaherah: Dār al-Muqṭim li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Ghisnī, ‘Abd Allāh ibn Ṣālih (1996), *Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, Riyad: Dar al-Watan.
- Al-Ḥākim al-Naysabūrī, Abū ‘Abd Allāh (1997), *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, Kaherah: Dār al-Ḥaramayn li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyā Yahyā ibn Sharaf (1930), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Miṣriyyah bi al-Azhār.
- al-Nu‘aymī, ‘Abd al-Qādir ibn Muḥammad (1990), *al-Dāris fī Tārīkh al-Madāris*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qaḥṭānī, Sa‘īd ibn ‘Alī ibn Wahf (t.t.), *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā fī Daw‘i al-Kitāb wa al-Sunnah*, T.T.P.: T.P.
- Al-Qurṭubī (2006), *Al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur‘ān*, taḥqīq ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Muḥsin, Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Qurṭubī al-Anṣārī, Muḥammad ibn Aḥmad (1995), *Al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Majdī Fathī al-Sayyid, Mesir: Dar al-Sahabah li al-Turath.
- Al-Qurṭubī, Muḥammad ibn Aḥmad (2005), *al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā wa Ṣifātihi*, taḥqīq ‘Irfān ibn Salīm al-‘Ashāhassūnah, Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.



- Al-Razi, Fakhr al-Din (1323H), *Lawāmi' al-Bayyināt Sharḥ Asmā' Allāh Ta'āla wa al-Ṣifāt*, Egypt: Matba'ah al-Sharafiyah.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn (1981), *Tafsir al-Fakhr al-Dīn al-Mushtahir bi al-Tafsir al-Kabīr wa Mafātīḥ al-Ghayb*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn (2000), *Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā li al-Rāzī wa Huwa al-Kitāb al-Musammā Lawāmi' al-Bayyināt Sharḥ Asmā' Allāh Ta'āla wa al-Ṣifāt*, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Al-Subkī, Taqīyy al-Dīn 'Alī (2004), "al-Sayf al-Ṣaqīl fī al-Radd 'alā Ibn Zafīl", dalam Muḥammad Zāhid al-Kawthārī (taḥqīq), *al-'Aqīdah wa 'Ilm al-Kalām min A'māl al-Imām Muḥammad Zāhid al-Kawthārī*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Subkī, 'Abd al-Wahhāb ibn 'Alī (t.t.), *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā, taḥqīq Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāḥī*, Kaherah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn (2003), *Al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsir bi al-Ma'thūr, taḥqīq 'Abd Allāh ibn 'Abd al-Muḥsin al-Turkī*, Kaherah: Markaz Ḥijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-'Arabiyyah wa al-Islāmiyyah.
- Ḥamad al-Sinān dan Fawzī al-'Anjarī (t.t.), *Ahl al-Sunnah al-'Ashā'irah Shahādah 'Ulamā' al-Ummah wa Adillatuhum*, T.T.P: Dar al-Diya'.
- Ibn 'Asākir, 'Ali ibn al-Ḥasan (1928/9), *Tabyīn Kadhbi al-Muftarī fī mā Nusiba ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-'Ash'arī*, Damsyiq: T.P.
- Ibn al-Jawzī, 'Abd al-Raḥmān ibn 'Alī (2004), "Daḥ Shubḥah al-Tashbīḥ", dalam Muḥammad Zāhid al-Kawthārī (taḥqīq), *al-'Aqīdah wa 'Ilm al-Kalām min A'māl al-Imām Muḥammad Zāhid al-Kawthārī*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1993), *al-Durar al-Kāminah fī A'yān al-Mi'ah al-Thāminah*, Beirut: Dār al-Jīl.

Ibn Hajar al-Haytamī, Aḥmad Shihāb al-Dīn (t.t.), *al-Fatāwā al-Ḥadīthiyyah*, T.T.P: T.P.

Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā‘il (2000), *Tafsir al-Qur’ān al-‘Aẓīm, taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et al*, Kaherah: al-Faruq al-Hadithiyyah li al-Tiba’ah wa al-Nashr.

Ibn Qāḍī Shuhbah, Taqīyy al-Dīn (1979), *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah*, Hayderabad: Dā’irah al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah.

M. Quraish Shihab (2005), *Menyingkap Tabir Ilahi Asma Al Husna Dalam Perspektif Al-Qur’an*, Jakarta: Penerbit Lentera Hati.

Muḥammad Bakr Ismā‘il (2000), *Asmā’ullāh al-Ḥusnā Athāruhā wa Asrāruhā*, Kaherah: Dār al-Manār.

Mujamma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah (2005), *al-Mu’jam al-Wasīt*, Mesir: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.

Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim b. al-Ḥajjāj (2010), *Ṣaḥīḥ Muslim, taḥqīq Khalīl Ma’mūn Shayḥā*, Beirut: Dar al-Ma’rifah.

Nūḥ ‘Alī Salmān (2004), *al-Mukhtaṣar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, Kuala Lumpur: AlBayan Corporation Sdn. Bhd.

Sāliḥ ibn ‘Abd al-‘Azīz (ed) (2000), *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’.

Zarrūq, Abū al-‘Abbās Aḥmad (2007), *Sharḥ ‘Aqīdah al-Imām al-Ghazālī, taḥqīq Muḥammad ‘Abd al-Qādir Naṣṣār*, Kaherah: Dār al-Karz.

Al-Qaradawi, <http://qaradawi.net/news/537.html>, 15 September 2011.